






SIARAN AKHBAR

INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN (RPPI) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI SUKU PERTAMA (Q1 2023)

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) Negara Brunei Darussalam bagi suku pertama 2023 [Q1 2023]. Indeks ini dihasilkan dengan data yang diperolehi daripada bank-bank di Negara Brunei Darussalam, dan diterbitkan dengan kerjasama pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi). RPPI mengukur kadar perubahan harga hartanah kediaman persendirian yang dibeli oleh isi rumah dari masa ke semasa.
2. Pada Q1 2023, RPPI menunjukkan peningkatan sebanyak 9.27% tahun-ke-tahun kepada 96.5 berbanding dengan Q1 2022, tetapi penurunan sebanyak 1.83% berbanding dengan Q4 2022.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q1 2022	Dari Q4 2022
Q1 2023	96.5	9.27%	-1.83%





- Berdasarkan data pinjaman bagi pembelian hartanah kediaman persendirian yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 122 transaksi pembelian hartanah kediaman persendirian telah dicatatkan pada Q1 2023. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 9.63% dalam bilangan transaksi berbanding dengan Q4 2022 dan penurunan sebanyak 1.61% berbanding dengan satu tahun yang lalu. Pada suku pertama 2023, sebahagian besar daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* [63.1%]; diikuti oleh rumah teres [21.3%]; rumah berkembar atau *semi-detached* [10.6%]; pangsapuri [2.5%]; dan tanah [2.5%].

4. Harga penengah [*median*] bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman persendirian pada Q1 2023 adalah BND251,000. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 1.8% berbanding dengan Q1 2022, dan menunjukkan penurunan sebanyak 3.5% berbanding dengan Q4 2022. Harga penengah bagi pembelian rumah berasingan atau *detached* adalah BND278,000; bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND275,000; bagi rumah teres adalah BND213,000; bagi pangsapuri adalah BND320,000; dan bagi tanah adalah BND65,000. Pengiraan RPPI adalah menggunakan harga penengah dan bukan harga purata kerana harga penengah tidak mudah terjejas oleh harga hartanah yang luar biasa dalam suatu tempoh masa.
5. Dari segi lokasi, jumlah pembelian hartanah persendirian yang tertinggi bagi Q1 2023 terletak di Daerah Brunei-Muara (93 hartanah), diikuti Daerah Belait (18 hartanah) dan Daerah Tutong (11 hartanah). Pada suku pertama 2023, tiada pembelian hartanah persendirian yang dicatat di Daerah Temburong. Sehubungan dengan ini, lima buah Mukim yang merekodkan jumlah transaksi yang tertinggi bagi Q1 2023 adalah Mukim Sengkurong, Kilanas, Liang, Mentiri and Gadong.

Jumlah Transaksi pada Q1 2023 mengikut Daerah	
Brunei dan Muara	93
Belait	18
Tutong	11
Temburong	0

5 Mukim dengan Jumlah Transaksi Tertinggi pada Q1 2023	
Sengkurong	29
Kilanas	15
Liang	15
Mentiri	13
Gadong	12

6. Indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik tersebut untuk menilai mana-mana hartanah kerana harga hartanah kediaman persendirian adalah berbeza tertakluk antaranya kepada lokasi, saiz tanah dan keluasan lantai.
7. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web BDCB www.bdcg.gov.bn. Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke masa melalui akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 4 Zulhijjah 1444H/ 23 June 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/3